



SIARAN MEDIA

INTERVENSI BERTERUSAN *TASK FORCE* PANTAU PROJEK PERUMAHAN SWASTA SAKIT DAN TERBENGGALAI

JOHOR BAHRU, 30 November 2024 - YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini telah turun padang melawat projek **Vista Tiara** yang dimajukan oleh **MB World Properties Sdn. Bhd.** Pembinaan jenis Pangsapuri Servis 33 hingga 43 tingkat ini mengandungi tiga (3) Parcel yang melibatkan lapan (8) blok bangunan yang merangkumi sebanyak 2003 unit secara keseluruhannya.

Projek ini adalah sebahagian daripada projek asal '*Jade Palace*' yang dibangunkan oleh Danga Jed Development Malaysia Sdn. Bhd. yang telah tertanggung kesan daripada Pandemik COVID-19. Pihak KPKT berharap projek ini dapat disiapkan sehingga penyerahan milikan kosong kepada pembeli dapat dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu pada sukuan ketiga 2027.

Pemantauan secara berterusan bagi menangani isu-isu projek perumahan merupakan agenda tetap pasukan KPKT. Lawatan turun padang YB Datuk Hajah Aiman Athirah hari ini merupakan kesinambungan lawatan kerja beliau dan pasukan *Task Force* ke tapak projek **Residensi Skyline** bertempat di Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 11 November 2024 yang lalu.

Projek Pangsapuri Servis 64 Tingkat ini yang terdiri daripada tiga (3) blok bangunan beserta pelbagai kemudahan fasiliti tersebut dahulunya dimajukan oleh Agile Property Development Sdn. Bhd. Berikutan daripada krisis kewangan yang dihadapi oleh pemaju, maka projek tersebut tidak diteruskan pembinaannya. Walau bagaimanapun, TSLaw Land melalui Skyline Embassy Sdn. Bhd. berjaya menyahut cabaran Kerajaan MADANI untuk menyelamatkan projek ini daripada sakit mahupun terbengkalai.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah selanjutnya berkongsi pelaporan bagi Mesyuarat Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 6 Tahun 2024 yang dipengerusikan beliau pada 15 November 2024. TFST tersebut bersidang dua (2) bulan sekali bagi meneliti, memantau statistik dan status terkini projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai di Malaysia.

Dalam pelaporannya, YB Datuk Hajah Aiman Athirah memaklumkan bahawa sehingga 31 Oktober 2024, statistik menunjukkan terdapat sebanyak **212 projek perumahan swasta**

lewat dan 382 projek perumahan swasta sakit manakala sejumlah **113 projek perumahan swasta berstatus terbengkalai**. Dalam hubungan ini, terdapat sedikit peningkatan pada projek-projek sakit berbanding pelaporan pada 30 September 2024 iaitu daripada 379 kepada 382 projek. Sungguhpun demikian, berlaku penurunan ketara bagi projek-projek lewat iaitu daripada 303 kepada 212 projek sahaja setakat Oktober 2024.

Terdapat satu (1) projek telah berjaya dikeluarkan daripada senarai namun terdapat satu (1) projek telah diisytiharkan sebagai terbengkalai pada Oktober 2024 dan menyebabkan bilangan projek terbengkalai kekal dengan 113 projek. Kesemua projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai yang terkini adalah membawa nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value – GDV*) sebanyak **RM113.25 bilion**.

Menurut YB Datuk Hajah Aiman Athirah, bagi tempoh Oktober 2024 sejumlah **37 projek perumahan swasta sakit dan lewat telah berjaya memperoleh CCC manakala satu (1) lagi projek kembali berstatus lancar**. Nilai GDV bagi 38 projek perumahan swasta yang berjaya ini adalah RM1.40 bilion.

Selain itu, kejayaan TFST pada bulan ini juga adalah pengeluaran satu (1) lagi projek yang sepatutnya telah disiapkan pada tahun 2012 iaitu projek **Taman Desa Anjung Putra, Sepang, Selangor**. Pemulihan projek ini yang dilaksanakan oleh pemaju asal iaitu Amanahraya Sdn. Bhd. dengan mediasi dan libat urus yang dilaksanakan oleh TFST telah berjaya **menamatkan penantian para pembeli yang menunggu untuk menerima rumah masing-masing selama 12 tahun**.

Hasil kerjasama pihak-pihak berkepentingan terbukti telah membuahkan hasil yang baik dan memberi manfaat kepada para pembeli terlibat. Usaha berterusan *Task Force* akan terus dipergiatkan di bawah Kerajaan MADANI bagi membolehkan para pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek perumahan swasta sakit, lewat dan terbengkalai dapat dibantu sebaik mungkin.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

